



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 46
Bil. 5

28 Februari 2002

TAMBAHAN
No. 3

No. 57.

AKTA PERWAKILAN KUASA 1956

PERWAKILAN DI BAWAH SEKSYEN 9

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 9 Akta Perwakilan Kuasa 1956, Ketua Menteri Pulau Pinang mewakilkan kepada Pegawai Kewangan Negeri dan tiap-tiap Pegawai Pengawal yang dilantik di bawah seksyen 15A Akta Prosedur Kewangan 1957 seperti di Lampiran A *Akta 358.* berkenaan dengan perbelanjaan mengurus bagi Objek Am dan Aktiviti di bawah Program yang sama, kuasa-kuasa yang diberi kepada Ketua Menteri di bawah subseksyen 15(4) Akta Prosedur Kewangan 1957 tertakluk *Akta 61.* kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang ditetapkan di bawah ini:

- (i) Waran yang membenarkan pemindahan peruntukan dari Objek Am dan Aktiviti yang mempunyai lebihan kepada Objek Am dan Aktiviti yang berkurangan (kemudian daripada ini disebut “Waran Viremen”) hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang lain yang telah diarah olehnya di bawah subseksyen 51A(2) Akta Prosedur Kewangan 1957;
- (ii) Kuasa yang dengan ini diwakilkan hanya boleh digunakan untuk pemindahan peruntukan dari satu Objek Am kepada satu Objek Am yang lain di dalam Aktiviti yang sama dan dari satu Aktiviti kepada satu Aktiviti yang lain di dalam Program yang sama;

- (iii) Waran Viremen tidak boleh membenarkan pemindahan apa-apa peruntukan melainkan di dalam tahun kewangan di mana Waran Viremen itu dibuat dan dikeluarkan;
 - (iv) Pegawai Pengawal dibenarkan menggunakan perwakilan kuasa ini hanya bagi Maksud Bekalan yang diuruskan mengikut Sistem Belanjawan Diubahsuai; dan
 - (v) Apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Kewangan Negeri dari semasa ke semasa.
2. Perwakilan kuasa ini berkuatkuasa mulai 28 Februari 2002.

LAMPIRAN A

PEGAWAI PENGAWAL YANG DILANTIK DI BAWAH SEKSYEN 15A AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957

Maksud Bekalan	Nama Pegawai Pengawal
B01	Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pulau Pinang.
B02	Pengarah, Pejabat Tanah dan Galian, Pulau Pinang.
B03	Pegawai Daerah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.
B04	Pegawai Daerah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.
B05	Pegawai Daerah, Daerah Seberang Perai Utara.
B06	Pegawai Daerah, Daerah Seberang Perai Tengah.
B07	Pegawai Daerah, Daerah Seberang Perai Selatan.
B08	Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pulau Pinang.
B09	Pengarah, Jabatan Perhutanan Negeri, Pulau Pinang.
B10	Penguasa Taman dan Kebun Bunga, Pulau Pinang.
B11	Pengarah Kastam, Jabatan Kedai Tuak, Pulau Pinang.
B12	Pengarah, Jabatan Kerja Raya, Pulau Pinang.
B13	Pengarah, Jabatan Agama Islam, Pulau Pinang.
B14	Pengarah, Jabatan Kebajikan Negeri, Pulau Pinang.
B15	Pengarah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pulau Pinang.
B16	Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, Pulau Pinang.
B17	Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pulau Pinang.
B18	Pengarah, Jabatan Pertanian Negeri, Pulau Pinang.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

28 Feb. 2002]

77

Maksud
Bekalan
Nama Pegawai Pengawal

- B19 Mufti Kerajaan Negeri, Pulau Pinang.
B20 Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah, Pulau Pinang.
B21 Pengarah, Jabatan Bekalan Air, Pulau Pinang.

Bertarikh 14 Februari 2002.
[JKNPP(S) 01/14/1; PU/PP/2774/5.]

TAN SRI DR. KOH TSU KOON,
Ketua Menteri,
Negeri Pulau Pinang

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan
semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang
bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa
mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad**.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA